

D.R. 2/98

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG
PERSARAAN GURU-GURU (SABAH)
(PEMBUBARAN) 1998**

SUSUNAN FASAL

Fasa)

1. Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa.
2. Tafsiran.
3. Pemansuhan dan pembubaran.
4. Perpindahan kuasa, hak, dsb.
5. Perpindahan harta.
6. Perpindahan wang.
7. Kontrak sedia ada, dsb.
8. Pegawai bertanggungjawab bagi pembayaran pencen.
9. Pembayaran amaun pukal.
10. Pembayaran tanpa probet atau surat kuasa mentadbir.
11. Pembayaran hendaklah menjadi pelepasan sepenuhnya.
12. Penerusan prosiding jenayah dan sivil.
13. Menghalang kesukaran atau anomali.
14. Keterhentian peraturan-peraturan.

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi memansuhkan Ordinan Persaraan Guru-Guru 1963 (Sabah), untuk membubarkan Kumpulan Wang Persaraan Guru-Guru dan Lembaga Pengurusan yang ditubuhkan di bawah Ordinan itu, untuk memindahmilikkan semua hartanya kepada Kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut;

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Persaraan Guru-Guru (Sabah) (Pembubaran) 1998.

Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

"Kerajaan" ertinya Kerajaan Persekutuan;

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Persaraan Guru-Guru yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Ordinan;

"Lembaga" ertinya Lembaga Pengurusan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Ordinan;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

"orang yang layak" ertinya orang yang berhak mendapat elaun persaraan, ganjaran, pencen atau apa-apa faedah persaraan lain di bawah Ordinan;

*Ord. 20/63
(Sabah).*

"Ordinan" ertinya Ordinan Persaraan Guru-Guru 1963 (Sabah);

"pencen" ertinya elaun persaraan tahunan yang kena dibayar di bawah seksyen 7 Ordinan, dan termasuklah apa-apa ganjaran, pencen, atau faedah persaraan lain yang kena dibayar di bawah Ordinan;

"tarikh ditetapkan" ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 1.

Pemansuhan
dan
pembubaran.

3. Ordinan adalah dimansuhkan dan Lembaga dan Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawahnya adalah dibubarkan.

Perpindahan
kuasa, hak,
dsb.

4. Segala kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sebaik sebelum tarikh ditetapkan adalah kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi Lembaga hendaklah, dari tarikh itu, turun kepada Kerajaan.

Perpindahan
harta.

5. Semua harta tak alih dan aset yang sebaik sebelum tarikh ditetapkan adalah terletak pada Kumpulan Wang atau mana-mana orang atau badan yang bertindak bagi pihaknya hendaklah, pada tarikh ditetapkan, terletak pada Kerajaan.

Perpindahan
wang.

6. Semua wang yang ada pada, atau kena dibayar kepada, Kumpulan Wang hendaklah, pada tarikh ditetapkan, berpindah kepada, dan terletak pada, Kerajaan.

7. Segala suratikatan, bon, perjanjian, suratcara dan perkiraan kerja yang wujud sebaik sebelum tarikh ditetapkan dan menyentuh mana-mana harta dan wang yang berpindah di bawah seksyen 5 dan 6 hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan yang penuh terhadap atau memihak kepada Kerajaan dan boleh dikuatkuasakan sepenuhnya dan dengan berkesan seolah-olah Kerajaan, bukan Lembaga atau Kumpulan Wang, atau mana-mana orang atau badan yang bertindak bagi pihaknya, telah dinamakan dalamnya atau telah menjadi suatu pihak kepadanya. Kontrak sedia ada, dsb.
8. Bendahari Negeri Sabah hendaklah menjadi pegawai yang bertanggungjawab bagi melaksanakan pembayaran amaun yang diperuntukkan dalam seksyen 9. Pegawai bertanggungjawab bagi pembayaran pencen.
9. (1) Seseorang yang ialah, pada 15 Februari 1983, orang yang layak hendaklah dibayar amaun sebagaimana yang dicadangkan dalam laporan aktuari bertarikh 30 Ogos 1996 dan apa-apa penyemakannya selepas itu yang dibuat oleh aktuari dan empat puluh peratus tambahan pada amaun itu. Pembayaran amaun pukal.
- (2) Amaun pukal yang kena dibayar di bawah subseksyen (1) hendaklah dibayar daripada wang yang disebut dalam seksyen 6 dan, jika wang itu tidak cukup bagi maksud itu, daripada harta dan aset yang disebut dalam seksyen 5.
- (3) Bagi maksud seksyen ini, "aktuari" ertinya aktuari yang dilantik oleh Lembaga di bawah Ordinan bagi maksud menentukan amaun yang hendak dibayar di bawah Akta ini.
10. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, jika seseorang orang yang layak yang kepadanya apa-apa pembayaran boleh dibuat di bawah subseksyen 9(1) sudah mati atau mati sebelum pembayaran dibuat, amaun yang masih belum dibayar itu boleh dibayar kepada orang-orang tanggungannya tanpa probet atau surat kuasa mentadbir. Pembayaran tanpa probet atau surat kuasa mentadbir.

Rang Undang-Undang

(2) Jika terdapat lebih daripada seorang orang tanggungan yang pembayaran boleh dibuat kepadanya di bawah subseksyen (1), pembayaran itu hendaklah dibuat dalam amaun yang sama banyak kepada orang-orang tanggungan itu.

(3) Jika tiada orang tanggungan, amaun yang kena dibayar di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusaka orang yang layak yang sudah mati.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

(a) "anak" berhubungan dengan orang yang layak yang sudah mati ertinya—

(i) anak di bawah umur dua puluh satu tahun orang yang layak itu dan termasuklah—

(A) anak yang lahir selepas kematian orang yang layak itu, anak tiri tanggungan dan anak tak sahtaraf orang yang layak itu; dan

(B) anak yang diambil sebagai anak angkat oleh orang yang layak itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman, dengan bukti yang memuaskan mengenai pengangkatan itu;

dan

(ii) anak yang tidak kira apa jua umurnya yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal dan yang tak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri dengan syarat anak itu adalah cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal sebelum anak itu mencapai umur dua puluh satu tahun;

dan

- (b) "orang tanggungan" ertinya—
- (i) balu kepada orang yang layak yang sudah mati;
 - (ii) duda kepada orang yang layak yang sudah mati;
 - (iii) anak kepada orang yang layak yang sudah mati; atau
 - (iv) ibu kepada orang yang layak yang sudah mati atau jika ibunya sudah mati, bapa yang ditanggungnya.

11. Jika pembayaran dibuat dengan suci hati di bawah seksyen 9 atau 10 dan mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini—

Pembayaran hendaklah menjadi pelepasan sepenuhnya.

- (a) pembayaran itu hendaklah menjadi pelepasan sepenuh dan sepatutnya akan segala liabiliti Kerajaan di bawah Ordinan dan Akta ini dan tiada orang yang layak berhak mendapat apa-apa pembayaran lanjutan selepas itu; dan
- (b) tiada tindakan, guaman atau prosiding yang mempersoalkan pembayaran itu atau bagi pembayaran apa-apa amaun lain boleh dibawa atau diadakan terhadap Kerajaan atau mana-mana pegawai atau pengkhidmatnya.

12. (1) Pemansuhan Ordinan tidaklah menyentuh liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Ordinan itu sebelum tarikh ditetapkan, atau mana-mana prosiding yang telah dibawa atau hukuman yang telah dikenakan sebelum tarikh itu berkenaan dengan kesalahan itu.

Penerusan prosiding jenayah dan sivil.

(2) Mana-mana prosiding (sama ada sivil atau jenayah) atau kausa tindakan yang belum selesai atau yang wujud, sebaik sebelum tarikh ditetapkan, oleh atau terhadap Lembaga atau mana-mana orang atau badan yang bertindak bagi pihaknya bolehlah diteruskan atau dimulakan oleh

atau terhadap Kerajaan sebagaimana prosiding itu boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga atau mana-mana orang atau badan itu seolah-olah Akta ini tidak pernah diluluskan.

(3) Mana-mana rayuan yang dibawa, atau mana-mana kebenaran untuk merayu yang dipohon, pada atau selepas tarikh ditetapkan, terhadap sesuatu keputusan yang diberikan sebelum tarikh ditetapkan dalam mana-mana prosiding undang-undang yang dalamnya Lembaga atau mana-mana orang atau badan yang bertindak bagi pihaknya menjadi suatu pihak boleh dibawa oleh atau terhadap Kerajaan sebagaimana rayuan itu boleh dibawa oleh atau terhadap Lembaga seolah-olah Akta ini tidak pernah diluluskan.

Menghalang
kesukaran
atau anomali.

13. (1) Jika apa-apa kesukaran atau anomali timbul berkaitan dengan pelaksanaan Akta ini, Menteri boleh melalui perintah membuat apa-apa ubahsuaian kepada mana-mana peruntukan Akta ini sebagaimana yang didapatinya perlu bagi menghapuskan atau menghalang kesukaran atau anomali itu:

Dengan syarat bahawa Menteri tidaklah boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen ini selepas habis tempoh tiga tahun dari tarikh ditetapkan.

(2) Dalam seksyen ini, "ubahsuaian" termasuklah pindaan, penambahan, pemotongan, penggantian, penyesuaian, perubahan, pengubahan dan ketakpakaiian mana-mana peruntukan Akta ini.

Keterhentian
peraturan-
peraturan.

14. Semua peraturan yang dibuat di bawah seksyen 18 Ordinan Persaraan Guru-Guru 1963 (Sabah) hendaklah terhenti berkuat kuasa pada tarikh ditetapkan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan memansuhkan Ordinan Persaraan Guru-Guru 1963 (Sabah) ("Ordinan"), untuk membubarkan Kumpulan Wang Persaraan Guru-Guru dan Lembaga Pengurusan yang ditubuhkan di bawah Ordinan itu.

*Kumpulan Wang Persaraan Guru-Guru
(Sabah) (Pembubaran)*

2. *Fasal 3 dan 4* mengadakan peruntukan bagi pembubaran Lembaga dan Kumpulan Wang dan bagi penurunan kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi Lembaga kepada Kerajaan.
3. *Fasal 5* mengadakan peruntukan bagi perpindahan semua harta tak alih dan aset lain Kumpulan Wang kepada Kerajaan.
4. *Fasal 6* mengadakan peruntukan bagi perpindahan semua wang yang ada pada, atau kena dibayar kepada, Kumpulan Wang, kepada Kerajaan.
5. *Fasal 7* mengadakan peruntukan bagi penguatkuasaan segala kontrak yang sedia ada oleh atau terhadap Kerajaan sebagai ganti Lembaga.
6. *Fasal 8* mengadakan peruntukan bahawa Bendahari Negeri Sabah hendaklah bertanggungjawab bagi pembayaran pencen kepada orang yang layak.
7. *Fasal 9* mengadakan peruntukan bagi pembayaran pencen dalam amaun pukal kepada seorang yang ialah, pada 15 Februari 1983, orang yang layak dan amaun pukal itu hendaklah dibayar daripada wang yang disebut dalam seksyen 6.
8. *Fasal 10* mengadakan peruntukan bahawa apa-apa pembayaran yang boleh dibuat tanpa probet atau surat kuasa mentadbir di bawah Akta yang dicadangkan kepada orang-orang tanggungan orang yang layak yang sudah mati.
9. *Fasal 11* mengadakan peruntukan bahawa apa-apa pembayaran yang dibuat dengan suci hati hendaklah menjadi pelepasan sepenuhnya segala liabiliti Kerajaan di bawah Ordinan.
10. *Fasal 12* mengadakan peruntukan bagi penerusan prosiding undang-undang oleh atau terhadap Kerajaan sebagai ganti Lembaga.
11. *Fasal 13* mengadakan peruntukan bagi pemberian kuasa kepada Menteri untuk membuat perintah bagi maksud menghapuska apa-apa kesukaran yang mungkin timbul berkaitan dengan pelaksanaan Akta yang dicadangkan.
12. *Fasal 14* mengadakan peruntukan bagi keterhentian semua peraturan yang dibuat di bawah Ordinan yang melibatkan Lembaga dan Kumpulan Wang.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1886.]